

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, July 18, 2019 12:57 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Menghadap Pro-Canselor, DYTm Tuanku Raja Muda Kedah Darul Aman



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 JULAI 2019 / 15 ZULKAEDAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR MENGHADAP PRO-CANSELOR, DYTm TUANKU RAJA MUDA KEDAH DARUL AMAN



UUM ONLINE: Alor Setar - Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah menghadap Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah Darul Aman di Wisma Darulaman, petang semalam.

Majlis menghadap itu bertujuan bagi menyebarkan maklum tentang dua buah projek penaiktarafan telah dilakukan di Pusat Sukan iaitu projek pembinaan astaka (*grandstand*) dan projek pembinaan arena sukan.

Sehubungan itu, Naib Canselor ingin menyebarkan persilaan dan perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku untuk bercemar duli berangkat ke Majlis Perasmian Arena Sukan dan Astaka Universiti Utara Malaysia (UUM) yang dijadualkan pada Ogos depan.

Selain itu, Prof. Dr. Ahmad Bashawir menyembah maklum bahawa UUM akan menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Golf Antara Universiti Awam ke-47 pada 7 dan 8 September nanti yang akan diadakan di Kelab Golf dan Rekreasi UUM dan Darulaman Golf and Country Club, Jitra.

Bagi menguar-uarkan kejohanan tahunan berkenaan kepada masyarakat luar dan setempat serta sebagai promosi padang golf 18 lubang milik UUM yang bertaraf antarabangsa, beliau telah menyembah persilaan dan perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku untuk bercemar duli berangkat ke Majlis Prapelancaran Kejohanan Sukan Golf Antara Universiti Awam ke-47 yang dijadualkan pada 6 Ogos depan di EDC Hotels and Resorts.

Naib Canselor juga memohon limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku selaku Tuanku Pro-Canselor UUM untuk mengetuai delegasi dari UUM dalam lawatan kerja ke Qatar bagi mendapatkan sokongan kerajaan Qatar berkenaan cadangan UUM untuk mewujudkan *Professorial Chair* di salah sebuah institusi pendidikan tinggi di Qatar.

Selain itu, majlis menghadap itu bertujuan untuk menyembah maklum akan hasrat untuk menghadap Duli Yang Teramat Mulia Che Puan Muda Zaheeda binti Mohamad Ariff, Raja Puan Muda Kedah bagi membincangkan dengan lebih lanjut hal-hal berkenaan projek Baju Kedah – Motif Batik Sintok UUM untuk dipromosikan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Prof. Dr. Ahmad Bashawir juga memohon limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Kedah untuk bercemar duli berangkat ke persembahan Malaysian Philharmonic Orchestra (MPO) '*Irfan Plays Ravel*' yang akan berlangsung pada 18 Ogos di Kuala Lumpur.

Dalam sesi menghadap itu juga, Naib Canselor memohon perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda untuk bercemar duli berangkat ke Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM sesi pertama pada 19 Oktober nanti.

Beliau turut menyembah maklum perkembangan terkini UUM untuk makluman Duli Yang Teramat Mulia Tuanku.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.